



Rujukan Kami : JAS.DHQ.600-2/5/268 (/)

Tarikh :

27 Jun 2024

Pengarah Urusan
Billion Eco Mining & Agro Sdn.Bhd
Level P1, Menara Choy Fook On
Jalan Yong Shook Lin, Section 7
46050 PETALING JAYA

Tuan,

PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMP) BAGI "PROPOSED FOREST DEVELOPMENT PROJECT (177.0 HA) AT HSK SUNGAI DURIAN (COMPARTMENT 56, 57 & 61 - PARTIALLY) MUKIM TELEKONG, DAERAH BATU MENGKEBANG, JAJAHAN KUALA KRAI, KELANTAN DARUL NAIM".

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan dengan rujukan BEMA/062024/01/EMP bertarikh 13 Jun 2024 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan, Jabatan ini tiada halangan dengan pelaksanaan pelan EMP tersebut. Semua cadangan dalam pelan tersebut hendaklah dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan projek ini.
3. Pihak tuan juga dikehendaki sentiasa memastikan langkah-langkah tebatan yang dinyatakan di dalam pelan tersebut dilaksanakan dengan berkesan dan menjalankan penilaian keberkesanan *Best Management Practices* (BMPs) di tapak projek.
4. Pihak tuan juga diingatkan supaya tidak menjalankan aktiviti kerja pembukaan tanah sehingga *Best Management Practices* (BMPs) dan alat-alat kawalan seperti dalam pelan LD-P2M2 dibina atau dipasang dan satu laporan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan.

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"
"Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO SIJIL : QMS 03475-S3


5. Sebarang cadangan perubahan dalam pelan tersebut terutamanya jika ada sebarang perubahan di takat pelepasan terakhir daripada kolam perangkap mendap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk kelulusan.
6. Kerjasama tuan di dalam pemuliharaan alam sekitar amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(W AMINORDIN BIN W KAMARUDDIN)
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan

s.k.

Pengarah Urusan
Tropical Growth (M) Sdn.Bhd
Lot PT 766, Tingkat 1
Pasar Awam Bersepadu Wakaf Che Yeh
15100 KOTA BHARU